

30/05/2005

Mahathir-Rasuah

DR MAHATHIR TOLAK LAPORAN AKHBAR BERHUBUNG RASUAH

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak laporan sebuah akhbar bahawa beliau sepatutnya berbuat lebih banyak lagi untuk memerangi rasuah semasa menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

Dr Mahathir yang bersara pada 2003, berkata pandangan sedemikian yang disiarkan dalam The Star semalam seolah-olah menuduh beliau tidak berbuat apa-apa semasa menjadi perdana menteri berkenaan dengan rasuah.

Rabu lepas dalam satu sesi soal jawab bersama peserta satu ceramah di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, bekas perdana menteri itu berkata: "Tidak seperti dulu amalan rasuah dilakukan secara sembunyi kini amalan seumpama itu semakin dibuat secara terang-terangan dan begitu pantas menjadi budaya dalam Umno."

Dalam ruangan minggunya semalam, editor kanan The Star Datuk Wong Chun Wai menulis: "Memang baik sekali Dr Mahathir telah bangkit dengan keras menentang rasuah tetapi secara peribadi, saya rasa beliau sepatutnya telah melakukan lebih daripada itu semasa beliau menjadi perdana menteri lebih daripada 20 tahun, seperti menjalankan kempen anti rasuah untuk mewujudkan kesedaran mengenai kesan rasuah yang melemahkan." (It is good that Dr Mahathir has come out strongly against corruption but personally, I wish he could have done more during his over 20 years in office, such as carrying out anti-corruption campaigns to create awareness of the debilitating impact of corruption).

"Dengan kepimpinannya yang kuat, kuasa dan pengaruhnya dalam Umno, beliau melepaskan peluang untuk membawa pembaharuan termasuk penguatkuasaan undang-undang yang efektif menentang rasuah," kata Wong dalam ruangnya.

(With his strong leadership, authority and grip on Umno, he let slip the opportunity to introduce reforms including effective enforcement of laws against corruption).

Bercakap dalam satu sidang akhbar yang dipanggilnya di kediamannya di Seri Kembangan di sini khusus untuk menyangkal pandangan dalam ruangan itu, Dr Mahathir berkata: "Saya fikir ini satu cara nak tahan saya, nak tutup mulut saya. Apa yang saya cakap ini bukan kerana saya nak cakap tetapi kerana ada orang tanya tentang rasuah. Jadi kalau tanya, saya jawablah, kalau tidak mahu, tak usah tanya saya".

Dr Mahathir berkata beliau sampai menangis secara terbuka dan membaca doa macam-macam, meminta (orang) supaya jangan terlibat dengan rasuah sebab ini soal nilai hidup yang mulia.

"Ini bukan soal tangkap. Kita boleh tangkap tetapi berapa banyak kita boleh tangkap dan buktikan dalam mahkamah cuma dua tiga kes sahaja.

"Yang saya tekankan ialah mengenai budaya orang. Kita patut tolak sebab benda itu tidak baik bukan kerana ada polis di belakang kita kerana kita tahu benda itu tak baik," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa dalam sesi soal jawab itu, beliau bukan bercakap tentang tindakan kerajaan terhadap rasuah kerana rasuah cukup susah hendak dibuktikan kecuali ada orang yang mengemukakan bukti.

"Kecuali seseorang itu tampil ke depan dan memberikan keterangan, kita tidak boleh buktikan. Dalam Umno pun kita tidak boleh buktikan, semua orang akan menafikannya. Dulu ada satu pemilihan Timbalan Presiden Umno, semua orang kata pada saya semua ketua bahagian dapat duit terutama di Sabah. Saya tanya mereka, tetapi tiada siapa pun yang mahu mengaku yang dia telah menerima wang, jadi kita tidak boleh hendak dakwa. Sama juga dengan kerajaan pun, kalau tidak ada orang hendak beri keterangan, sukar untuk

membuktikannya."

Merujuk lagi kepada pemilihan dalam Umno, beliau berkata kalau menerima rasuah sudah jadi budaya, susah nak buat apa-apa pun sebab semua orang telibat.

"Semakin menjadi-jadi semasa pemilihan, semua orang kata pada saya dengan sebut nama-nama, tetapi tiada yang nak beri bukti kepada Jawatankuasa Disiplin.

"Saya minta orang Melayu tolak budaya rasuah sebab ia akan hancurkan bangsa Melayu. Kita kena lawan rasuah dengan membina disiplin diri bahawa ia akan memusnahkan negara kita," kata Dr Mahathir.

"Jadi nak tudah saya tidak buat apa-apa semasa saya jadi Perdana Menteri.. yalah kalau nak tengok, pergi tengoklah rekod. Ada juga wakil rakyat, ahli Exco yang kena tangkap, kena hukum tetapi saya tidak sebut sebab yang paling penting ialah budaya kita, tetapi kalau nak saya tidak mahu bercakap langsung, saya tidak akan bercakap lagilah," katanya dengan nada kesal.

"Saya tidak mahu bercakap mengenai perkara ini. Saya dah buat banyak, tetapi saya tidak mahu cerita apa yang telah saya buat, termasuk tindakan yang saya tidak mahu cerita kepada orang.

"Sepanjang pimpinan saya, saya rasa anda semua tahu begitu kerap sekali saya telah bercakap menentang rasuah," kata Dr Mahathir.

Dalam ruangnya semalam, Wong juga menulis: "Rakyat Malaysia akan tetap berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana kemajuan ekonomi yang dibawa, bagaimanapun satu perkara yang mereka tidak berpuashati ialah pengenalan tender yang dirundingkan yang kurang akauntabiliti dan keterbukaan. Malah tidak wujud tender langsung."

(Malaysians may remain grateful to Mahathir for the economic boom, but one source of unhappiness was the introduction of the negotiated tender which lacked accountability and openness. In fact. it was no tender at all).

Menjawab perkara itu, Dr Mahathir berkata masalahnya ialah sekiranya tender itu terbuka, orang Melayu dan Bumiputera tidak akan dapat langsung.

"Bagaimanapun ia tidak pernah diberi kepada orang yang sama sepanjang masa, tetapi kepada orang yang berkebolehan dan terbukti dapat melaksanakannya. Kami uji mereka tetapi bukan untuk satu orang sahaja tetapi kepada ramai."

Beliau berkata kerajaan cuba memberikan kontrak kepada kontraktor Kelas F untuk membina makmal komputer bagi sekolah-sekolah, tetapi "anda tengok apa yang berlaku, mereka tidak ada pengalaman, semuanya gagal."

"Saya sering menyatakan bahawa kita tidak boleh memerangi rasuah jika ia sudah menjadi budaya kita. Saya tidak memperkatakan mengenai tindakan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA  
YBK AU RON